



KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|-------------|---|------------------|------------|------|
| AKHBAR | : | KOSMO | | |
| TARIKH | : | 1/7/2019 | MUKA SURAT | : 15 |
| JABATAN | : | JMG | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |

JMG sita 11 lombong bijih mangan di Gua Musang

KOTA BHARU – Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah menyita lombong bijih mangan di Airing 11 Kuala Koh, Gua Musang dekat sini sejak 11 Jun lepas, kata Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Beliau berkata, tindakan sita dilakukan kerana lombong berkenaan tidak mendapat skim kebenaran melombong daripada JMG.

“Lesen kebenaran dikeluarkan oleh kerajaan negeri manakala kebenaran atau skim melom-

bong perlu mendapat kelulusan daripada JMG.

“Syarikat perlombongan berkenaan memiliki lesen daripada kerajaan negeri, namun tidak mempunyai skim kebenaran daripada JMG,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan as-Salt-

hin cawangan Pantai Timur, di Lembah Sireh di sini semalam. Sebelum ini, Pengerusi Paka-



AHMAD

pada 11 Jun lalu sehingga mendapat kebenaran semula untuk melombong.

tan Harapan Kelantan, Datuk Husam Musa meminta supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menyiasat aktiviti perlombongan tanpa kebenaran di Kuala Koh, Gua Musang.

Beliau berkata, atas faktor tersebut, JMG menyita lombong itu pada 11 Jun lalu sehingga mendapat kebenaran semula untuk melombong.

“Kebeneran melakukan operasi melombong yang dikeluarkan oleh kerajaan pusat sudah tamat tempoh pada tahun 2017, namun aktiviti itu masih diteruskan sehingga kini,” katanya.

Dalam perkembangan lain bertubung tuntutan royalti minyak, Ahmad berkata, sehingga kini kerajaan negeri sudah memenuhi syarat dengan menarik balik saman sebagaimana yang diminta kerajaan pusat.

“Proses penarikan saman sudah diselesaikan di semua per-

ingkat dan kerajaan negeri kini menunggu maklum balas dari pada kerajaan pusat.

“Kita belum menerima apa-apa berita dan berharap kerajaan (pusat) mempercepatkan proses pembayaran wang royalti itu bagi membolehkan wang berkenaan digunakan untuk kebajikan termasuk infrastruktur, kesihatan, kebersihan, masalah air, bantuan orang kelainan upaya dan peluang pekerjaan kepada rakyat,” ujarnya. – Bernama

Turut dirampas kupon, minyakurut badan, kondom dan buku catatan kerja harian